

**PENGARUH *QUDWAH HASANAH* IBU BAPA  
TERHADAP AKHLAK REMAJA SEKOLAH  
MENENGAH DI KEDAH**

**NORAZIAH BINTI AHMAD NADZIM**

**UNIVERSITI SAINS MALAYSIA**

**2022**

**PENGARUH *QUDWAH HASANAH* IBU BAPA  
TERHADAP AKHLAK REMAJA SEKOLAH  
MENENGAH DI KEDAH**

oleh

**NORAZIAH BINTI AHMAD NADZIM**

**Tesis yang diserahkan untuk  
memenuhi keperluan bagi  
Ijazah Doktor Falsafah**

**Oktober 2022**

## PENGHARGAAN

Assalamualaikum w.b.t.

Selamat sejahtera.

Alhamdulillah....Segala puji bagi Allah kerana dengan izin-Nya, kajian “Pengaruh *Qudwah Hasanah* Ibu Bapa Terhadap Akhlak Remaja Sekolah Menengah di Kedah” ini dapat disempurnakan. Jutaan terima kasih diucapkan kepada penyelia saya, Prof. Madya Dr. Mohd Nizam bin Sahad yang telah memberi tunjuk ajar, nasihat dan bimbingan sehinggalah saya dapat menyiapkan kajian ini.

Sekalung penghargaan ditujukan kepada Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) kerana telah memberi peluang kepada saya untuk melanjutkan pengajian dan menaja pengajian saya. Ucapan terima kasih diberikan kepada semua pakar rujuk dari Pusat Pengajian Ilmu Kemanusiaan, Universiti Sains Malaysia, Universiti Malaya, Universiti Kebangsaan Malaysia dan IPG Kampus Tuanku Bainun yang telah banyak membantu dan membimbing saya bagi melengkapkan kajian ini.

Penghargaan turut ditujukan kepada semua pihak yang membantu melicinkan urusan kajian ini iaitu kakitangan Pusat Pengajian Ilmu Kemanusiaan, Jabatan Pendidikan Negeri Kedah, Pdejabat Pendidikan Daerah serta sekolah-sekolah yang terlibat. Tidak dilupakan, para remaja yang terlibat sebagai sampel dan peserta kajian.

Istimewa buat ayahanda tersayang, Ahmad Nadzim bin Abdullah dan bonda Hajah Hasnah binti Haji Saad, terima kasih kerana sentiasa mendoakan anakanda berjaya menamatkan pengajian ijazah doktor falsafah ini. Kejayaan ini khas buat ayahanda dan bonda.

Penghargaan teristimewa buat suami tercinta, Shuhaimi bin Sgawi yang merestui perjalanan pengajian saya dan anak-anak tersayang, Muhammad Shuhaili Danish, Muhammad Shahmi Farish dan Sofea Nuraisya yang sangat memahami dan telah bersama mengharungi susah payah sepanjang menyiapkan kajian ini. Maaf dipinta kerana terdapat kekurangan dalam menjalankan tanggungjawab dan terpaksa merasai kepayahan bersama sepanjang menyempurnakan tesis ini. Tidak dilupakan ucapan terima kasih buat abang dan adik-adik yang memberi sokongan dan galakan dalam menyempurnakan kajian ini.

Akhir sekali, terima kasih kepada rakan-rakan di JAPIM dan UPP IPG KTB serta semua rakan yang banyak membantu memberi sokongan dan semangat bagi menjayakan kajian ini.

Sekian, wassalam.

Noraziah binti Ahmad Nadzim  
Pusat Pengajian Ilmu Kemanusiaan  
Universiti Sains Malaysia, Pulau Pinang

## SENARAI KANDUNGAN

<b>PENGHARGAAN</b> .....	<b>ii</b>
<b>SENARAI KANDUNGAN</b> .....	<b>iv</b>
<b>SENARAI JADUAL</b> .....	<b>x</b>
<b>SENARAI RAJAH</b> .....	<b>xii</b>
<b>SENARAI SINGKATAN</b> .....	<b>xiii</b>
<b>PANDUAN TRANSLITERASI</b> .....	<b>xiv</b>
<b>SENARAI LAMPIRAN</b> .....	<b>xv</b>
<b>ABSTRAK</b> .....	<b>xvi</b>
<b>ABSTRACT</b> .....	<b>xvii</b>
<b>BAB 1      PENGENALAN</b> .....	<b>1</b>
1.1    Pendahuluan .....	1
1.2    Latar Belakang Kajian .....	1
1.3    Pernyataan Masalah.....	4
1.4    Objektif Kajian.....	18
1.5    Persoalan Kajian .....	18
1.6    Kepentingan Kajian .....	19
1.7    Kerangka Konsep.....	21
1.8    Definisi Operasional .....	23
1.8.1 <i>Qudwah Hasanah</i> Ibu bapa.....	23
1.8.2    Akhlak.....	24
1.8.3    Remaja .....	25
1.8.4    Sekolah Menengah.....	25
1.8.5    Amalan <i>Qudwah Hasanah</i> Ibu Bapa .....	26
1.9    Ulasan Kajian Lepas .....	26
1.9.1    Kajian Bentuk Didikan Ibu bapa.....	27

1.9.2	Kajian Tahap dan Bentuk Amalan <i>Qudwah Hasanah</i> .....	30
1.9.3	Kajian Tahap dan Bentuk Akhlak Remaja.....	32
1.9.4	Kajian Pengaruh Amalan <i>Qudwah Hasanah</i> Ibu bapa Terhadap Akhlak Remaja.....	35
1.10	Batasan Kajian dan Limitasi Kajian.....	40
1.11	Rumusan .....	42
<b>BAB 2</b>	<b>KONSEP QUDWAH HASANAH IBU BAPA DAN AKHLAK REMAJA .....</b>	<b>43</b>
2.1	Pendahuluan .....	43
2.2	Definisi <i>Qudwah Hasanah</i> dan Akhlak Dalam Islam.....	44
2.2.1	<i>Qudwah Hasanah</i> Dari pada Sudut Bahasa dan Istilah .....	44
2.2.2	Akhlak Daripada Sudut Bahasa dan Istilah.....	46
2.3	Akhlak Nabi S.A.W sebagai <i>Uswah Hasanah</i> .....	47
2.4	Konsep <i>Qudwah Hasanah</i> Ibu Bapa.....	55
2.5	Pendidikan Melalui <i>Qudwah Hasanah</i> (Contoh Teladan yang Baik) .....	57
2.6	Konsep Akhlak Remaja .....	62
2.7	Bentuk Akhlak Remaja .....	71
2.7.1	Akhlak dengan Allah .....	73
2.7.2	Akhlak Dengan Manusia.....	78
2.7.3	Akhlak Dengan Makhhluk.....	80
2.8	Didikan Ibu Bapa Terhadap Anak Remaja .....	83
2.9	Teori, Model dan Literatur yang Berkaitan .....	94
2.9.1	Model Attribut Kemahiran Keibubapaan Al-Ghazali.....	95
2.9.2	Model Akhlak Islam .....	98
2.10	Bentuk <i>Qudwah Hasanah</i> Ibu Bapa Dalam Mempengaruhi Akhlak Remaja .....	102
2.10.1	<i>Qudwah Hasanah</i> Aspek Hubungan Ibu Bapa Dengan Allah.....	103
2.10.2	<i>Qudwah Hasanah</i> Aspek Hubungan Ibu Bapa Dengan Anak.....	115

2.10.3	<i>Qudwah Hasanah</i> Aspek Hubungan Ibu Bapa Dengan Orang Lain .....	122
2.11	Rumusan .....	127
<b>BAB 3</b>	<b>METODOLOGI KAJIAN .....</b>	<b>128</b>
3.1	Pendahuluan .....	128
3.2	Pendekatan Kajian .....	129
3.2.1	Pendekatan Kajian Kuantitatif .....	130
3.2.2	Pendekatan Kajian Kualitatif .....	131
3.3	Reka Bentuk Kajian .....	133
3.4	Lokasi Kajian .....	138
3.5	Populasi dan Sampel Kajian .....	139
3.5.1	Teknik Pensampelan .....	139
3.5.2	Sampel Kajian Kuantitatif.....	141
3.5.3	Sampel Kajian Kualitatif.....	144
3.6	Instrumen Kajian.....	146
3.6.1	Soal Selidik .....	147
3.6.2	Protokol Temu Bual .....	149
3.7	Kesahan dan Kebolehpercayaan Instrumen .....	152
3.7.1	Kesahan dan Kebolehpercayaan Instrumen Kuantitatif.....	152
3.7.2	Kesahan dan Kebolehpercayaan Instrumen Kualitatif.....	156
3.8	Prosedur Pentadbiran Kajian Sebenar .....	161
3.8.1	Fasa Sebelum Kajian.....	162
3.8.2	Fasa Kajian Kuantitatif .....	163
3.8.3	Fasa Kajian Kualitatif .....	163
3.8.4	Teknik Pengumpulan Data.....	164
3.9	Penganalisan Data .....	166
3.9.1	Analisis Data Kuantitatif.....	166
3.9.1(a)	Statistik Deskriptif .....	167

3.9.1(b)	Statistik Inferensi .....	167
3.9.1(c)	Ujian Normaliti Bagi Taburan Data.....	168
3.9.1(c)(i)	Ujian Statistik <i>Skewness</i> dan <i>Kurtosis</i> .....	169
3.9.1(c)(ii)	Graf Plot Normal Q-Q (Normal Probability Plot).....	169
3.9.2	Penganalisan Data Kualitatif.....	169
3.9.2(a)	Kaedah Kepustakaan.....	170
3.9.2(a)(i)	Kaedah Induktif .....	170
3.9.2(a)(ii)	Kaedah Deduktif.....	171
3.9.2(b)	Kaedah Temu bual .....	171
3.9.2(c)	Analisis Dokumen.....	172
3.10	Rumusan .....	174
<b>BAB 4</b>	<b>DAPATAN KAJIAN, ANALISIS DAN PERBINCANGAN.....</b>	<b>176</b>
4.1	Pendahuluan .....	176
4.2	Demografi Sampel Kajian.....	177
4.2.1	Demografi Sampel Kuantitatif.....	177
4.2.2	Profil Subjek Kajian Kualitatif .....	181
4.3	Dapatan Kajian Tahap Dan Bentuk Amalan <i>Qudwah Hasanah</i> Ibu Bapa .....	184
4.3.1	Tahap Amalan <i>Qudwah Hasanah</i> Ibu Bapa .....	185
4.3.2	Bentuk Amalan <i>Qudwah Hasanah</i> Ibu Bapa Aspek Hubungan Ibu Bapa dengan Allah, hubungan dengan Anak dan Hubungan dengan Orang Lain .....	191
4.3.3	Analisis Tahap dan Bentuk Amalan <i>Qudwah Hasanah</i> Ibu Bapa .....	195
4.4	Dapatan Kajian Tahap dan Bentuk Akhlak Remaja Sekolah Menengah di Kedah. ....	204
4.4.1	Tahap Akhlak Remaja Sekolah Menengah di Kedah. ....	204
4.4.2	Bentuk Akhlak Remaja Sekolah Menengah di Kedah.....	209



4.4.3	Analisis Tahap dan Bentuk Akhlak Remaja Sekolah Menengah di Kedah .....	212
4.5	Analisis Pengaruh <i>Qudwah Hasanah</i> Ibu Bapa Terhadap Akhlak Remaja Sekolah Menengah di Kedah .....	218
4.5.1	Pengaruh <i>Qudwah Hasanah</i> Ibu Bapa Terhadap Akhlak Remaja Sekolah Menengah.....	218
4.6	Rumusan .....	223
<b>BAB 5</b>	<b>KESIMPULAN .....</b>	<b>224</b>
5.1	Pendahuluan .....	224
5.2	Kesimpulan Dapatan Kajian .....	224
5.2.1	Kesimpulan Konsep <i>Qudwah Hasanah</i> Ibu Bapa .....	224
5.2.2	Kesimpulan Kajian Tahap Dan Bentuk Amalan <i>Qudwah Hasanah</i> Ibu Bapa.....	228
5.2.3	Kesimpulan Kajian Tahap dan Bentuk Akhlak Remaja Sekolah Menengah di Kedah .....	229
5.2.4	Kesimpulan Kajian Pengaruh Amalan <i>Qudwah Hasanah</i> Ibu Bapa Terhadap Akhlak Remaja Sekolah Menengah di Kedah .....	231
5.3	Implikasi Dapatan Kajian .....	232
5.3.1	Implikasi Terhadap Amalan <i>Qudwah Hasanah</i> Ibu bapa.....	232
5.3.2	Implikasi Terhadap Akhlak Remaja .....	233
5.4	Cadangan dan Saranan .....	234
5.4.1	Kementerian Pendidikan Malaysia .....	234
5.4.2	Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat .....	234
5.4.3	Ibu Bapa .....	235
5.4.4	Masyarakat .....	235
5.5	Cadangan Kajian Lanjutan.....	236
5.6	Penutup .....	237

**RUJUKAN ..... 239**

**LAMPIRAN**

**SENARAI PENERBITAN DAN PEMBENTANGAN**

## SENARAI JADUAL

	<b>Halaman</b>
Jadual 1.1	Tinjauan Awal Tentang <i>Qudwah Hasanah</i> Ibu bapa dan Akhlak Remaja Sekolah Menengah di Kedah. .... 15
Jadual 3.1	Bilangan Remaja Tingkatan Empat di Sekolah Menengah Mengikut PPD di Negeri Kedah..... 141
Jadual 3.2	Bilangan Sampel Remaja Tingkatan Empat Sekolah Menengah Mengikut PPD di Kedah..... 143
Jadual 3.3	Latar Belakang Subjek Kajian..... 146
Jadual 3.4	Instrumen Soal Selidik Pengaruh <i>Qudwah Hasanah</i> Ibu Bapa Terhadap Akhlak Remaja Mengikut Kategori ..... 148
Jadual 3.5	Senarai Panel Pakar Kesahan Kandungan Item Soal Selidik dan Tahap Persetujuan Item Soal Selidik..... 149
Jadual 3.6	Perincian Soalan-soalan Protokol Temu Bual..... 151
Jadual 3.7	Min Persetujuan dan Pengesahan Pakar Terhadap Item Soal Selidik..... 153
Jadual 3.8	Indeks Kebolehpercayaan Instrumen Kajian..... 155
Jadual 3.9	Min Persetujuan dan Pengesahan Pakar Terhadap Item Soalan Temu bual ..... 158
Jadual 3.10	Contoh Tema dan Sub Tema daripada Analisis Data Kualitatif..... 159
Jadual 3.11	Persetujuan Cohen Kappa..... 160
Jadual 3.12	Skala Interpretasi Skor Min Tahap Amalan <i>Qudwah Hasanah</i> Ibu Bapa dan Akhlak Remaja Sekolah Menengah di Kedah..... 167
Jadual 4.1	Bilangan dan Peratusan Sampel Mengikut Pejabat Pendidikan Daerah di Negeri Kedah. .... 177
Jadual 4.2	Profil Demografi Sampel Kajian ..... 179
Jadual 4.3	Latar Belakang Subjek Kajian..... 184
Jadual 4.4	Tahap Amalan <i>Qudwah Hasanah</i> Ibu bapa Daripada Aspek Hubungan Ibu bapa Dengan Allah ..... 186

Jadual 4.5	Tahap Amalan <i>Qudwah Hasanah</i> Ibu bapa Daripada Aspek Hubungan Ibu bapa Dengan Anak .....	188
Jadual 4.6	Tahap Amalan <i>Qudwah Hasanah</i> Ibu bapa Daripada Aspek Hubungan Ibu bapa Dengan Orang lain/ Masyarakat.....	190
Jadual 4.7	Bentuk <i>Qudwah Hasanah</i> Ibu Bapa Dari Aspek hubungan Dengan Allah.....	192
Jadual 4.8	Bentuk <i>Qudwah Hasanah</i> Ibu bapa dari Aspek Hubungan dengan Anak .....	193
Jadual 4.9	Bentuk <i>Qudwah Hasanah</i> Ibu Bapa Dari Aspek hubungan Dengan Orang Lain .....	195
Jadual 4.10	Tahap Akhlak Remaja Sekolah Menengah di Kedah .....	207
Jadual 4.11	Bentuk Akhlak Remaja Dengan Allah .....	209
Jadual 4.12	Bentuk Akhlak Remaja Dengan Manusia .....	210
Jadual 4.13	Bentuk Akhlak Remaja dengan Makhluk dan Alam.....	211
Jadual 4.14	Keputusan Ringkasan Model bagi Ujian Regresi <i>R Square</i> .....	219
Jadual 4.15	Keputusan Analisis ANOVA <i>Qudwah Hasanah</i> .....	220
Jadual 4.16	Keputusan Analisis Regresi <i>Qudwah Hasanah</i> Ibu Bapa terhadap Akhlak Remaja Sekolah Menengah di Kedah .....	221

## SENARAI RAJAH

	<b>Halaman</b>
Rajah 1.1	Kerangka Konsep Kajian Pengaruh <i>Qudwah Hasanah</i> Ibu Bapa Terhadap Akhlak Remaja Sekolah Menengah di Kedah..... 23
Rajah 2.1	Model Attribut Kemahiran Keibubapaan Al-Ghazali (Adaptasi daripada Jamiah Manap, Sidek Baba 2016)..... 96
Rajah 2.2	Model Akhlak Islam ..... 100
Rajah 3.1	Perincian Reka Bentuk Kajian Kaedah Campuran ( <i>explanatory design</i> ) dan Model Quan-qual ..... 136
Rajah 3.2	Kerangka Reka bentuk Kajian Pengaruh <i>Qudwah Hasanah</i> Ibu Bapa Terhadap Akhlak Remaja Sekolah Menengah di Kedah..... 137
Rajah 3.3	Prosedur Kajian Pengaruh Qudwah Hasanah Ibu bapa Terhadap Akhlak Remaja Sekolah Menengah di Kedah..... 162
Rajah 3.4	Prosedur Analisis Data Kualitatif (Bogdan dan Biklen,2007) ..... 172
Rajah 5.1	Kerangka Holistik <i>Qudwah Hasanah</i> Ibu bapa..... 225
Rajah 5.2	Kerangka Bentuk Akhlak Remaja Sekolah Menengah di Kedah..... 227

## SENARAI SINGKATAN

AADK	Agensi Anti Dadah Kebangsaan
PPD	Pejabat Pendidikan Daerah
DV	Variabel bersandar
EPRD	Bahagian Perancangan dan Penyelidikan Dasar Pendidikan
<i>Ibid</i>	Ibidem. In the same place (rujukan yang sama dengan yang sebelumnya)
IV	Variabel tidak bersandar
JPN	Jabatan Pendidikan Negeri
KPM	Kementerian Pendidikan Malaysia
PK	Penolong Kanan
SP	Sisihan Piawai
S.A.W	Sollallahu 'Alaihi Wasallam
S.W.T	Subhanahu wa Taala
Subj 1	Subjek 1
Subj 2	Subjek 2
Subj 3	Subjek 3
Subj 4	Subjek 4
Subj 5	Subjek 5
Subj 6	Subjek 6
<i>op.cit</i>	Opera Citato: Pengarang dan tajuk buku sama dengan rujukan sebelumnya, tetapi muka suratnya berbeza dan diselangi dengan rujukan lain.

## PANDUAN TRANSLITERASI

Dalam mengeja perkataan-perkataan Arab dalam ejaan rumi, transliterasi berikut digunakan:

### 1. Konsonan

Huruf Arab	Huruf Rumi	Huruf Arab	Huruf Rumi	Huruf Arab	Huruf Rumi
ا	–	ز	<b>z</b>	ق	<b>q</b>
ب	<b>b</b>	س	<b>s</b>	ك	<b>k</b>
ت	<b>t</b>	ث	<b>sy</b>	ل	<b>l</b>
ث	<b>th</b>	ص	<b>ş</b>	م	<b>m</b>
ج	<b>j</b>	ض	<b>ḍ</b>	ن	<b>n</b>
ح	<b>h</b>	ط	<b>ṭ</b>	و	<b>w</b>
خ	<b>kh</b>	ظ	<b>ẓ</b>	ه	<b>h</b>
د	<b>d</b>	ع	‘	ء	’
ذ	<b>dh</b>	غ	<b>gh</b>	ى	<b>y</b>
ر	<b>r</b>	ف	<b>f</b>	ة	<b>h</b>

### 2. Vokal

PENDEK			PANJANG			DIFTONG	
ا	َ	<b>a</b>	آ	َ	<b>ã</b>	اى	<b>ay</b>
ى	ِ	<b>i</b>	اى	ِ	<b>i</b>	او	<b>aw</b>
و	ُ	<b>u</b>	او	ُ	<b>ū</b>	ؤ	<b>uw</b>
						ى	<b>y/i</b>

Sumber: Jawatankuasa Buku Panduan Penulisan Ilmiah Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya (2012).

## **SENARAI LAMPIRAN**

Lampiran A	Borang Pengesahan Kandungan Instrumen Oleh Pakar Rujuk
Lampiran B	Analisis SPSS
Lampiran C	Surat Lantikan Peserta Kajian
Lampiran D	Surat Jemputan Menganggotai Panel Pakar Menilai Instrumen Kajian
Lampiran E	Surat Kebenaran Peserta Kajian
Lampiran F	Pengakuan Dan Pengesahan Transkrip Temubual
Lampiran G	Syarat Bahagian EPRD



**PENGARUH *QUDWAH HASANAH* IBU BAPA TERHADAP AKHLAK  
REMAJA SEKOLAH MENENGAH DI KEDAH**

**ABSTRAK**

Ibu bapa merupakan pendidik terawal anak-anak yang berperanan sebagai pemberi contoh teladan yang baik. Namun begitu, kurangnya didikan agama dan perhatian ibu bapa dalam kehidupan berkeluarga menjadikan anak remaja mudah terdedah dengan masalah akhlak masa kini. Kelemahan ibu bapa dalam mendidik anak melalui *qudwah hasanah* kurang diberi perhatian. Umum mengetahui, golongan remaja merupakan generasi yang bakal mewarisi negara pada masa akan datang. Namun pada realitinya, pelbagai gejala sosial meruntuhkan akhlak remaja masa kini. Sehubungan itu, tujuan kajian ini untuk mengkaji pengaruh *qudwah hasanah* (contoh teladan yang baik) ibu bapa terhadap akhlak remaja sekolah menengah di Kedah. Kajian ini menggunakan kaedah penyelidikan kuantitatif dan disokong oleh kaedah penyelidikan kualitatif. Data kuantitatif diperoleh melalui set soal selidik melibatkan 375 remaja Tingkatan Empat sekolah menengah di Kedah. Data kualitatif iaitu temu bual diperoleh daripada enam orang subjek kajian yang dipilih berdasarkan kaedah pemilihan bertujuan. Data kajian telah dianalisis secara deskriptif dan inferensi menggunakan perisian *SPSS (Statistic Package for the Social Science) Version 23* bagi mendapatkan skor min, peratusan, kekerapan, korelasi dan regresi berganda. Data temu bual pula dianalisis menggunakan perisian *ATLAS.ti* versi 7.0. Dapatan kajian membuktikan kesemua pembolehubah peramal *qudwah hasanah* ibu bapa menyumbang sebanyak 62.5% varians dalam akhlak remaja ( $R^2=0.625$ ). Justeru, perhatian yang sewajarnya perlu diberikan dalam memperkasakan amalan *qudwah hasanah* ibu bapa sebagai pemangkin akhlak remaja.

**THE INFLUENCE OF PARENTAL *QUDWAH HASANAH* TOWARDS THE  
*AKHLAQ* OF ADOLESCENT IN SECONDARY SCHOOL IN KEDAH**

**ABSTRACT**

Parents as the initial educators of their children play the role by providing good examples to their children. Islamic education from young at home has a significant influence on the adolescents' *akhlaq*. Adolescents are the generation that will inherit the nation in the future. However, in reality, various social ills have overtaken adolescents leading to collapse of their *akhlaq*. Specifically, this study in Kedah aims to look into the parents' level and form of *qudwah hasanah* (good role modelling) on their secondary school children's *akhlaq*. This study utilised mix-method methodology involving the use of survey instrument, interview and document analysis. Quantitative data was collected via questionnaires from 375 Form Four students from daily secondary schools in Kedah. Qualitative data by interviews was collected from six study subjects selected using purposive sampling. Survey data was analysed using the SPSS 23.0 version involving descriptive statistics (min and standard deviation) and inference analysis, to obtain the influence of *qudwah hasanah* on Kedah secondary school adolescent's *akhlaq*. Interview data was analysed using ATLAS.ti 7.0 version. All the predictors contribute to 62.5% variance in adolescent's *akhlaq* ( $R^2=0.625$ ). This means that there is significant influence between parent's *qudwah hasanah* in the aspects of relationship between the parents and Allah, parents with their children and parents with other people, on Kedah's secondary school adolescents' *akhlaq*. Lastly, it is hoped that this study can contribute to parents' education of their children by role modelling good examples.

# **BAB 1**

## **Pengenalan**

### **1.1 Pendahuluan**

Kajian ini secara umumnya bertujuan mengkaji tahap dan bentuk amalan *qudwah hasanah* ibu bapa dan akhlak remaja sekolah menengah di Kedah. Secara khususnya, kajian ini bertujuan mengenalpasti pengaruh *qudwah hasanah* ibu bapa terhadap akhlak remaja sekolah menengah di Kedah.

Sebagai permulaan, bab ini membincangkan komponen-komponen penting dalam kajian termasuklah latar belakang kajian, permasalahan kajian, objektif kajian, soalan kajian, kepentingan kajian, kerangka konsep, pengertian tajuk atau definisi operasi yang digunakan bagi kajian ini, ulasan kajian lepas dan batasan kajian. Metodologi kajian pula dibincangkan secara lebih mendalam dalam Bab 3 supaya dapat diperincikan dengan lebih baik. Kajian ini memberi impak kepada pengkaji tentang keperluan kajian berkaitan *qudwah hasanah* ibu bapa, konsep dan bentuk amalan *qudwah hasanah* ibu bapa dalam mempengaruhi akhlak remaja sekolah menengah di negeri Kedah.

### **1.2 Latar Belakang Kajian**

Setiap makhluk yang diciptakan oleh Allah S.W.T di atas muka bumi ini mempunyai peranan dan tanggungjawab masing-masing dalam membina masyarakat yang tunduk dan patuh kepada ketetapan Allah S.W.T dalam kehidupan. Sebagaimana dalam firman-Nya:

وَمَا خَلَقْتُ الْجِنَّ وَالْإِنْسَ إِلَّا لِيَعْبُدُونِ (٥٦)

Terjemahan:

Dan aku tidak menciptakan jin dan manusia melainkan supaya mereka memperhambakan diri kepada-Ku. [Al-Dhariyat (51): 56]

Al-Tabari memilih tafsiran riwayat Ibn ‘Abbas bahawa maksud ayat ini ialah manusia serta jin ditetapkan untuk memperhambakan diri kepada-Nya sama ada dalam keadaan rela atau terpaksa.<sup>1</sup> Untuk melaksanakan peranan dan menyelesaikan cabaran yang timbul, manusia perlu mencari panduan kehidupan dalam Islam berdasarkan al-Qur’an dan Sunnah.<sup>2</sup>

Manusia telah diberi fitrah untuk mencari *qudwah hasanah* (suri teladan yang baik),<sup>3</sup> agar menjadi pedoman dan contoh hidup mereka dalam melaksanakan syari’at Allah. Rasulullah S.A.W merupakan *qudwah hasanah* umat Islam yang perlu dicontohi dalam setiap aspek kehidupan. Dalam mendidik anak remaja, ibu bapalah yang menjadi pendidik pertama kepada pembentukan akhlak anak remaja tersebut. Maka, ibu bapa perlulah sentiasa menunjukkan *qudwah hasanah* dalam kehidupan seharian untuk diteladani anak-anak.

Secara khususnya, mendidik anak merupakan satu proses yang panjang dan berterusan dengan berbekalkan ilmu dan kemahiran keibubapaan. Oleh itu, ibu bapa perlu belajar dan mendalami proses pendidikan khususnya dalam pendidikan anak-anak. Dalam kajian ini, pengkaji menerangkan konsep *qudwah hasanah* ibu bapa

---

<sup>1</sup> Al-Tabari, Muhammad bin Jarir. (2001). *Jami’ al-Bayan an Ta’wil Ay al-Qur’an @ Tafsir al-Tabari*. Tahqiq oleh ‘Abd Allah al-Turki. Mesir: Dar Hajar, jil. 21, hlm. 554.

<sup>2</sup> *Sunnah* adalah setiap yang disandarkan kepada Nabi S.A.W terdiri daripada perkataan, perbuatan, *taqrir* (persetujuan), sifat dan kehidupan baginda S.A.W.

<sup>3</sup> *qudwah hasanah* bermaksud suri teladan yang baik, contoh teladan yang baik atau *role model* yang diguna pakai dalam kajian ini.

menurut perspektif al-Quran dan Sunnah serta bentuk amalan *qudwah hasanah* yang perlu dicontohi dalam kehidupan remaja tersebut. Dalam membentuk akhlak remaja, ibu bapa perlulah menggunakan kaedah pendidikan akhlak yang sesuai serta berdasarkan waktu yang tepat agar menjadi pegangan kukuh dan mudah diterima oleh anak-anak.

Anak-anak menjalani proses sosialisasi paling awal melalui ibu bapa dan keluarga. Ibu bapalah yang mencorakkan setiap tingkah laku dan personaliti<sup>4</sup> anak-anak. Segala amalan dan nilai yang diamal dan dipegang oleh keluarga dan masyarakat yang didiaminya akan dicurahkan kepada anak-anak sebagai panduan di dalam kehidupan dan masa hadapan. Oleh itu, orang yang paling dekat dengan anak-anak ialah ibu bapa itu sendiri.<sup>5</sup>

Sabda Rasulullah S.A.W:

كُلُّ مَوْلُودٍ يُوَلَّدُ عَلَى الْفِطْرَةِ، فَأَبَوَاهُ يُهَوِّدَانِهِ أَوْ يُنَصِّرَانِهِ أَوْ يُمَجِّسَانِهِ أَوْ يُنَصِّرَانِهِ

Terjemahan:

Setiap bayi yang dilahirkan adalah dalam keadaan fitrah, maka ibu bapa merekalah yang berperanan menjadikannya seorang Yahudi, Majusi atau Nasrani. (Al-Bukhari, no. 1385).

Fenomena keruntuhan akhlak dalam kalangan remaja Islam di Malaysia semakin mendapat perhatian semua pihak. Masyarakat Islam yang menyedari fenomena negatif yang semakin menular ini lantas menyeru supaya ibu bapa meletakkan Islam sebagai prinsip dalam kehidupan berkeluarga. Maka, ibu bapa perlu

---

<sup>4</sup> personaliti dalam Islam adalah merujuk terhadap aspek akhlak, sahsiah, peribadi, nilai dan kognitif individu yang melahirkan tindak tanduk luaran seseorang secara lebih jelas (rujuk Izzah Nur Aida & Salasiah, 2015, hlm. 12)

<sup>5</sup> ‘Abdullah Nasih ‘Ulwan (1981), Tarbiyyatul Aulad fil Islam, Beirut: Dar al-Salam, hlm. 87

menerapkan anak remaja dengan penghayatan cara hidup Islam dalam menghadapi cabaran kehidupan bagi membendung perkara sebegini. Dalam usaha merealisasikan kewujudan keperibadian anak-anak berlandaskan cara hidup Islam, penghayatan keibubapaan Islam merupakan langkah terbaik sebagai strategi untuk mewujudkan keluarga yang efektif. Penghayatan keibubapaan dalam kalangan masyarakat tidak bermula selepas pasangan mempunyai mempunyai anak tetapi bermula sejak dari awal lagi, iaitu bermula ketika proses pemilihan pasangan yang baik bagi memastikan mereka boleh menjadi ibu atau bapa yang berkualiti dalam memberi didikan kepada anak-anak.<sup>6</sup>

Masalah keruntuhan akhlak di kalangan pelajar sering diperkatakan oleh banyak pihak daripada ibu bapa, pemimpin masyarakat setempat sehinggalah dibahaskan ke peringkat parlimen. Memandangkan generasi pelajar merupakan remaja dan belia yang akan mewarnai masa depan negaranya, maka isu ini telah mendorong pengkaji berusaha mengenal pasti sejauh mana seriusnya masalah keruntuhan akhlak dalam kalangan pelajar Tingkatan Empat dan beberapa faktor yang mempengaruhinya.

### **1.3    Penyataan Masalah**

Ibu bapa merupakan insan yang bertanggungjawab mendidik, memelihara, mengasuh, memberikan perhatian dan kasih sayang kepada anak-anak. Ini kerana, seseorang anak itu diibaratkan seperti sehelai kain putih yang boleh dicorakkan pelbagai warna oleh ibu bapa mereka. Maka, di tangan ibu bapa merekalah terletaknya

---

<sup>6</sup> Fauziah Hanim Jalal, Zanariah NorWahibah Twahir @ Tahir (2009), Model Penghayatan Keibubapaan Islam: Satu Kajian Ke Atas Keluarga Muslim, Perak: UPSI , hlm.25.

corak masa depan anak-anak kerana ibu bapa diamanahkan dengan tanggungjawab ini.

Namun, terdapat kesan negatif pengabaian ibu bapa dalam memimpin dan mendidik anak-anak mengikut kerangka Islam yang dapat diperhatikan melalui wujudnya fenomena keruntuhan akhlak remaja Muslim di Malaysia yang diketengahkan oleh pengkaji-pengkaji sebelum ini. Ketahanan diri remaja yang kian pudar menyebabkan sebahagian daripada anak-anak remaja Muslim terjebak dalam penagihan dadah, aktiviti-aktiviti jenayah, lepak, pengangguran, aktiviti maksiat dan pelbagai gejala yang tidak sihat.<sup>7</sup>

Di antara cabaran yang dihadapi dalam mendidik anak pada masa kini yang dapat dikenalpasti ialah masalah kewangan, ibu bapa tidak cukup masa untuk anak-anak, pengaruh rakan sebaya, masalah keluarga dan cabaran teknologi masa kini. Ramai ibu bapa mengakui bahawa masalah kewangan telah mencuri masa ibu bapa bersama anak-anaknya. Kekurangan masa ibu bapa dengan anak-anak membuatkan ramai ibu bapa memanjakan anak mereka dengan memberikan wang ringgit sebagai ganti kepada masalah kekurangan masa tersebut. Situasi ini menyebabkan anak-anak mengambil kesempatan untuk memuaskan hati masing-masing dengan mencuba untuk berdamping dengan rakan-rakan. Ketiadaan ibu bapa di rumah kerana mencari nafkah dan pulang lewat malam akan menyebabkan anak-anak terdorong mencari hiburan di luar bagi mengisi kekosongan.<sup>8</sup>

---

<sup>7</sup> Fauziah Hanim Jalal, Zanariah NorWahibah Twahir @ Tahir (2009), Model Penghayatan Keibubapaan Islam: Satu Kajian Ke Atas Keluarga Muslim, Perak: UPSI , hlm.27.

<sup>8</sup> Rosnaaini Hamid, Suhanim Abdullah. (2012), *Pendidikan Keibubapaan Berdasarkan Surah Luqman*, Kedah: UUM Press, Universiti Utara.hlm.23

Kebanyakan remaja yang terlibat dalam tingkah laku negatif<sup>9</sup> sejak usia kanak-kanak disebabkan mereka secara amnya mempunyai ahli keluarga atau ibu bapa yang juga pernah bertingkah laku sedemikian. Idealnya, ibu bapa sewajarnya berperanan sebagai pengurus dan pentadbir dalam sesebuah keluarga berperanan sebagai model utama yang diikuti oleh anak-anak. Tingkah laku ibu bapa di hadapan anak-anak sama ada dari segi lisan mahu pun perbuatan akan diperhatikan oleh anak-anak dan tidak mustahil anak-anak akan terikut-ikut dengan tingkah laku tersebut<sup>10</sup>. Sekiranya tingkah laku tersebut baik dan positif, maka anak-anak akan turut menjadi sedemikian. Sebaliknya, jika tingkah laku ibu bapa lebih banyak ke arah yang kurang baik dan negatif, maka anak-anak khususnya remaja juga akan terdidik dengan sifat-sifat yang negatif dan kurang baik. Ini akan memberi kesan yang negatif terhadap perkembangan personaliti anak-anak tersebut.

Akhlak merupakan elemen yang penting dalam agama Islam. Akhlak yang terpuji dapat mencerminkan keperibadian seseorang. Hal ini kerana akhlak sangat penting dalam pembinaan tamadun manusia yang aman dan harmoni. Justeru, peranan ibu bapa amatlah penting dalam mendidik anak-anak kerana ibu bapa merupakan insan paling awal dan rapat dengan anak-anak sejak dilahirkan untuk menjadi insan yang berakhlak mulia. Ibu bapa hendaklah menjadi *role-model* kepada anak-anaknya. Walau bagaimanapun, masyarakat dan ibu bapa mutakhir ini banyak menyerahkan tugas mendidik anak kepada guru dan institusi sekolah.<sup>11</sup> Hal ini terjadi kerana faktor

---

<sup>9</sup> Tingkah laku negatif membawa maksud tingkah laku yang berlawanan dengan norma-norma sejagat serta tingkah laku yang tidak bermoral seperti ponteng sekolah, melawan guru, pergaulan bebas antara lelaki dan perempuan, ketagihan arak, ketagihan dadah dan pelbagai gejala sosial.

<sup>10</sup> Mohamad Khairi Othman, Mohd Zailani Mohd Yusoff, Fauziah Abdul Rahim (2016), Perspektif Ibu Bapa Terhadap Permasalahan dan Cabaran dalam Pembentukan Nilai Murni Pelajar. *Sains Humanika*, hlm. 18.

<sup>11</sup> Ab. Halim Tamuri, Mohamad Khairul Azman Ajuhary (2010). "Amalan Pengajaran Guru



ibu bapa yang sibuk dengan tugas harian di rumah atau di tempat kerja sehingga perkembangan diri anak remaja tersebut dan proses didikan yang sepatutnya bermula dari rumah terabai. Jelaslah bahawa suatu pendidikan itu bermula dari bumbung rumah sesebuah keluarga dan ibu bapa adalah guru pertama bagi setiap anak.

Sejak kebelakangan ini kita sering digemparkan dengan pelbagai salah laku pelajar di sekolah seperti mencederakan rakan sebaya, membakar sekolah, memukul guru dan pelbagai lagi yang berkaitan dengan pelanggaran disiplin anak-anak di sekolah. Keadaan ini menunjukkan bahawa salah laku pelajar sudah menjadi gejala serius yang membawa kepada keruntuhan akhlak remaja. Asuhan ibu bapa memainkan peranan penting dalam menentukan kestabilan dan kebahagiaan keluarga.

Penampilan akhlak remaja masa kini sebenarnya semakin parah. Seringkali akhbar-akhbar memaparkan berita-berita mengenai keruntuhan akhlak remaja, antaranya terlibat dengan gangsterism; pergaduhan melibatkan alatan tajam; dadah, pil *ekstasi*; ketagihan alkohol; dan pergaulan bebas di luar batasan. Sebenarnya, penampilan akhlak luaran yang negatif berpunca daripada akhlak dalaman yang longgar hubungannya dengan Allah S.W.T. Selain itu, akhlak yang mulia itu sebenarnya berpunca daripada kesucian sifat batin, dalaman dan kerohanian seseorang individu.<sup>12</sup>

---

Pendidikan Islam Berkesan Berteraskan konsep al-Mu'allim," *Journal of Islamic and Arabic Education*, 2, hlm.43-56."

<sup>12</sup> Tajul Ariffin Nordin. (1997). Pendidikan dan Pembangunan Manusia: Satu Pendekatan Bersepadu. Kertas kerja Konvensyen Kebangsaan Pendidikan Moral dan Nilai dalam Pembangunan Manusia Ke Arah Pembentukan Acuan Pembangunan Negara, Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia.hlm

Asuhan ibu bapa juga menentukan cara mereka membesarkan anak dalam suasana bahagia, gembira, sihat, mempunyai emosi yang stabil dan keupayaan bergaul serta berhubungan dengan orang lain. Memandangkan salah laku ataupun pelanggaran disiplin dalam kalangan pelajar semakin serius, maka adalah perlu dikaji aspek-aspek psikologi seperti sejauh mana perhatian daripada ibu bapa dan bagaimana corak perhubungan antara ibu bapa dengan anak mempunyai kaitan dengan masalah tersebut. Masalah ini harus dipandang serius kerana penglibatan mereka pada peringkat umur yang terlalu muda.

Menurut Che Zarrina antara faktor pendorong utama berlakunya gejala salah laku dalam kalangan remaja ini berpunca daripada corak dan bentuk didikan institusi keluarga itu sendiri khususnya didikan ibu bapa. Ini kerana peranan yang dimainkan oleh ibu bapa dalam mendidik anak-anak amat penting bagi membentuk spiritual dan tingkahlaku remaja sama ada menjurus kepada pembentukan jati diri positif ataupun negatif.<sup>13</sup>

Kementerian Pendidikan Malaysia merekodkan sebanyak 13,359 pelajar sekolah rendah dan menengah di seluruh negara terlibat dalam kejadian salah laku disiplin berat atau yang berunsur jenayah bagi tempoh Januari hingga Jun tahun 2014. Ketua Pengarah Pelajaran, Datuk Seri Dr. Khair Mohamad Yusof berkata, kesalahan yang dilakukan kumpulan pelajar tersebut melibatkan kes berunsur jenayah, kelucahan, ponteng sekolah, vandalisme dan kes buli. Daripada jumlah tersebut, seramai 4,568 murid terlibat dalam kes yang berunsur jenayah, termasuk melakukan

---

<sup>13</sup> Che Zarrina Saari, Sharifah Basirah Syed Muhsin, Siti Sarah Ahmad Faizuri Abd Latif (2019) “.Model Pendidikan Keibubapaan Abdullah Nasih Ulwan (MPIU) dalam Menangani Isu Remaja Lari dari Rumah, “*Jurnal Usuluddin* 47 (*Khas*) 2019: hlm.73-103

kegiatan jenayah berat seperti *gangsterisme* yang membawa kepada siasatan pihak polis.<sup>14</sup>

Melalui pembacaan pengkaji, penglibatan remaja dalam pelbagai gejala sosial berpunca daripada beberapa faktor, antaranya faktor dalaman diri remaja itu sendiri dari aspek perkembangan personaliti, kegagalan fungsi institusi keluarga dan juga pengaruh rakan sebaya. Kesan negatif pengabaian ibu bapa dalam memimpin dan mendidik anak-anak mengikut kerangka Islam dapat diperhatikan melalui wujudnya fenomena keruntuhan akhlak remaja Muslim di Malaysia yang diketengahkan oleh pengkaji-pengkaji Muslim. Ketahanan diri remaja yang kian luntur menyebabkan sebahagian daripada anak-anak remaja Muslim terjebak dalam penagihan dadah, aktiviti-aktiviti jenayah, lepak, pengangguran, maksiat dan pelbagai gejala yang tidak sihat.

Seterusnya ialah perbincangan berkaitan faktor keruntuhan akhlak remaja sekolah menengah. Kajian Absha Atiah Abu Bakar yang bertajuk Faktor Keterlibatan Remaja Dengan Masalah Sosial menunjukkan bahawa keseluruhan faktor ibu bapa berada pada tahap sederhana rendah (min = 2.43 dan sisihan piawai = 0.98). Hal ini secara jelas membuktikan ibu bapa merupakan salah satu faktor masalah sosial remaja namun faktor yang terbesar adalah faktor diri sendiri dan rakan sebaya.<sup>15</sup>

Kajian yang dijalankan oleh Tengku Elmi Azlina et.al mendapati bahawa penglibatan remaja dalam pelbagai gejala sosial ini adalah berpunca daripada faktor dalaman diri remaja itu sendiri meliputi aspek perkembangan personaliti yang akan mengakibatkan berlakunya ketegangan dan tekanan emosi dalam diri remaja sekiranya

---

<sup>14</sup> Kementerian Pendidikan Malaysia (2017) hlm.34

<sup>15</sup> Absha Atiah. (2019) "Faktor Keterlibatan Remaja Dengan Masalah Sosial, *Jurnal Hadhari UKM* Vol 11No 1 (2019) hlm. 1-17)

mereka tidak mendapat bimbingan yang sepenuhnya dalam menghadapi cabaran alam keremajaan. Hal ini menyebabkan remaja akan cenderung ke arah melakukan kegiatan yang meruntuhkan akhlak dan menyalahi undang-undang.<sup>16</sup>

Seterusnya, hasil dapatan kajian Nurzatil dan pengkaji yang lain mendapati bahawa secara keseluruhan masalah sosial daripada faktor ibu bapa berada pada kedudukan min paling rendah dan berada pada tahap sederhana rendah.<sup>17</sup> Kajian Azlina menyatakan bahawa ibu bapa turut mempengaruhi pembentukan akhlak remaja. Hasil kajian ini mendapati bahawa kebanyakan ibu bapa kurang berkomunikasi dengan anak mereka tentang keperluan dan masalah yang dihadapi.<sup>18</sup> Dapatan kajian Amanda Holman dan Jody Koenig Kellas turut mendapati bahawa komunikasi yang kurang antara ibu bapa dengan anak menyebabkan remaja mudah terjebak dengan masalah sosial.<sup>19</sup>

Setelah melihat kepada aspek ibu bapa yang turut menjadi salah satu faktor keruntuhan akhlak remaja sekolah menengah, terdapat juga kajian yang membincangkan berkaitan peranan ibu bapa dalam pembentukan akhlak remaja sekolah menengah. Kajian yang dijalankan oleh Amla Salleh dan rakan-rakannya pula berkaitan peranan bapa dalam pembangunan sahsiah remaja dan implikasinya terhadap nilai kekeluargaan. Hasil kajian beliau mendapati bahawa bapa kurang

---

<sup>16</sup> Tengku Elmi Azlina, Tengku Muda, Nor Adha binti Abdul Hamid, Azizah binti Mat Rashid, Norul Huda binti Bakar, Norashikin binti Azmi (2015), "Kesalahan Akhlak dan Perkaitannya dengan Faktor Kematangan, Kerohanian dan Kesedaran Kendiri Individu", *World and Research Congres* hlm.69-80

<sup>17</sup> Nurzatil Ismah binti Azizan, Nazneen Ismail, Sahlawati Abu Bakar, Zanariah Dimon dan Asma' Wardaf Surtahman (2015), "Permasalahan Sosial Dalam Kalangan Remaja di Selangor: Satu Tinjauan," *Seminar Antarabangsa Akidah, Dakwah dan Syariah*, hlm. 1-15

<sup>18</sup> Azlina Muhammad (2012) Penghuni Raudhatus Sakinah: Kajian Terhadap Latar belakang dan Faktor Salah Laku. Tesis Sarjana, Universiti Kebangsaan Malaysia., hlm.45

<sup>19</sup> Amanda Holman & Jody Koenig Kellas (2018) Say Something Instead of Not doing: Adolescents' Perceptiopn of Memorable Conversations About Sex -Related Topics With Their Parents. *Communication Monographs* 85(3): hlm.35-37

berperanan dalam membentuk sahsiah anak-anak. Kebanyakan bapa menjalankan tanggungjawab dalam memberi nafkah namun kurang berkomunikasi dan mendidik anak-anak di dalam keluarga<sup>20</sup>.

Zakaria Stapa, Ahmad Munawar Ismail dan Noranizah Yusuf juga menyatakan bahawa ibu bapa memainkan peranan penting dalam mencorakkan pendidikan anak-anak dan membentuk asas-asas perlembangan diri seseorang anak. Tambahnya lagi, ibu bapa harus menunjukkan contoh sikap seperti ingin tahu dan suka bergaul kepada anak-anak bagi membimbing kelakuan mereka<sup>21</sup>

Seterusnya, terdapat kajian yang dilakukan oleh Abdullah Sulong dan Mawaddah Abdullah berkaitan Pengaruh Media Elektronik Terhadap Keruntuhan Akhlak Pelajar yang mendapati 89.6% pelajar mengatakan bahawa ibu bapa mereka hanya suka mengikuti rancangan keagamaan dan berita sahaja. Begitu juga, sebanyak 88.5% pelajar mengatakan bahawa ibu bapa mereka sentiasa memantau setiap rancangan televisyen yang ditonton oleh mereka. Selain itu, sebanyak 59.7% pelajar mengatakan ibu bapa mereka sering mengajak mereka solat berjemaah di masjid atau di rumah. Sebanyak 55.2% pelajar berpendapat bahawa ibu bapa mereka akan menegur apabila mendapati mereka menonton televisyen, bermain komputer atau melayari internet jika melebihi had yang sepatutnya. Seterusnya, 29.9% pelajar berpendapat ibu bapa mereka sentiasa memastikan mereka menonton rancangan yang berfaedah sahaja. Berdasarkan peratusan ini, jelas menunjukkan bahawa majoriti ibu bapa pelajar sangat prihatin dan mengambil berat akan setiap rancangan yang ditonton

---

<sup>20</sup> Amla Salleh, Zahara Aziz, Zuria Mahmud, dan Abd.Aziz Mahyuddin, (2010), Peranan Bapa Dalam Pembangunan Sahsiah Remaja dan Implikasinya Terhadap Nilai Kekeluargaan. *Jurnal Pendidikan Malaysia*, 35 (2). hlm. 9-17.

<sup>21</sup> Zakaria Stapa, Ahmad Munawar Ismail & Noranizah Yusuf. (2012). "Faktor Persekitaran Sosial dan Hubungannya dengan Pembentukan Jati Diri," *Jurnal Hadhari Edisi Khas*, hlm-172.

oleh anak mereka agar bersesuaian dengan peringkat umur mereka serta tidak merosakkan akhlak mereka.<sup>22</sup>

Mohamad Khairi Othman dan rakan-rakannya telah menjalankan satu kajian tentang “Perspektif Ibu Bapa Terhadap Permasalahan dan Cabaran dalam Pembentukan Nilai Murni Pelajar”. Hasil dapatan kajian beliau melalui temu bual, responden yang terdiri daripada ibu bapa mengakui bahawa komunikasi dan kekurangan masa untuk diluangkan bersama anak-anak merupakan salah satu punca yang mempengaruhi keruntuhan akhlak dalam kalangan pelajar.<sup>23</sup> Oleh itu, pengkaji merasakan adalah menjadi satu keperluan untuk mengkaji isu ini agar masalah akhlak remaja dapat diatasi dengan sebaiknya.

Permasalahan seterusnya ialah berkaitan seramai 242 pelajar daripada 19 buah sekolah menengah di negeri Kedah dikesan positif pelbagai jenis dadah menerusi ujian saringan urin yang dilakukan Agensi Anti Dadah Kebangsaan (AADK) Kedah sejak Januari hingga September 2016. Pengerusi Persatuan Mencegah Dadah Malaysia (PEMADAM) Negeri Kedah iaitu Datuk Tajul Urus Mat Zain menyatakan perkara itu perlu dipandang serius kerana kes penyalahgunaan bahan terlarang dalam kalangan pelajar sekolah jarang didengari berlaku sebelum ini. Kesemua pelajar sekolah menengah terbabit kini mengikuti kelas kaunseling dan pemulihan di sekolah masing-masing dengan pemantauan secara berkala daripada AADK.<sup>24</sup> Oleh itu, ibu bapa

---

<sup>22</sup> Abdullah Sulong dan Mawaddah Abdullah (2019). “Pengaruh Media Elektronik Terhadap Keruntuhan Akhlak Pelajar”, *Sains Humanika*, hlm.,27

<sup>23</sup> Mohamad Khairi Othman, Mohd Zailani Mohd Yusoff, Fauziah Abdul Rahim (2016), *Perspektif Ibu Bapa Terhadap Permasalahan dan Cabaran dalam Pembentukan Nilai Murni Pelajar. Sains Humanika*, hlm. 8.

<sup>24</sup> Bernama 3 November 2017,

perlulah peka dengan tingkah laku anak-anak memandangkan kes salah laku di Kedah yang semakin meningkat berdasarkan laporan yang telah dinyatakan.

Laporan akhbar juga menyatakan pelajar yang terbabit dengan masalah dadah sebenarnya terdiri daripada mereka yang terlibat lebih awal dengan daun ketum, kumpulan kongsi gelap dan *gangsterisme*. Sebanyak 113 kes dadah membabitkan pelajar direkodkan di Kedah sepanjang tahun 2016 manakala bagi Januari 2017 ia mencatatkan lapan kes.<sup>25</sup> Oleh itu, berdasarkan laporan-laporan akhbar dan kajian-kajian lepas, mengukuhkan lagi justifikasi pengkaji untuk menjalankan kajian berkaitan akhlak remaja sekolah menengah di negeri Kedah ini.

Sementara itu, maklumat daripada Kementerian Pendidikan tahun 2016 mendapati daripada 35,755 responden iaitu pelajar tingkatan satu hingga enam, 1,457 pelajar didapati mengambil dadah dengan pecahan sebanyak 74 peratus *methamphetamine*, 20 peratus *kanabis* dan selebihnya pelbagai jenis lain. Murid tingkatan lima mencatat peratusan tertinggi iaitu 40.6 peratus, tingkatan empat (32.5 peratus), tingkatan tiga (19.8 peratus), tingkatan dua (5.4 peratus) dan tingkatan satu (0.08 peratus). Kedah merupakan antara negeri tertinggi pelajar mencuba dadah iaitu seramai 274 orang, diikuti Kelantan (197 orang) dan Perak (180 orang) setakat Mei 2016. Bagaimanapun, sehingga November 2017, kes salah laku pelajar di Kedah menunjukkan peningkatan mendadak apabila jumlahnya meningkat kepada 344 orang.<sup>26</sup>

---

<sup>25</sup> Bernama 5 Februari 2017

<sup>26</sup> Kementerian Pendidikan Malaysia, 2018

Kajian AADK Kedah dalam kalangan pelajar pula menunjukkan peningkatan sebanyak 50 peratus kes di beberapa daerah di Kedah termasuk Sik dan Padang Terap. Pengambilan air ketum antaranya meningkat sebanyak 20 peratus berbanding pada 2014.<sup>27</sup> Kementerian Pendidikan turut mendedahkan bahawa sebanyak 402 buah sekolah menengah dan rendah di negara ini sedang dalam pemerhatian berikutan isu disiplin pelajar wajar diberi perhatian serius. Walaupun bilangan sekolah itu kecil berbanding jumlah keseluruhan sekolah di Malaysia yang lebih dari 10,000 buah tetapi sekiranya gagal bertindak segera kemungkinan besar masalah disiplin di sekolah terbabit akan bertambah teruk dan merebak ke sekolah lain.<sup>28</sup>

Berdasarkan dapatan kajian dan laporan yang dikemukakan, pengkaji merasakan satu keperluan untuk menjalankan satu tinjauan awal berkaitan ibu bapa dan akhlak remaja sekolah menengah di Kedah. Jadual 1.1 menunjukkan tinjauan awal penyelidik terhadap empat remaja Tingkatan Empat sekolah menengah di Kedah. Tinjauan awal ini dilaksanakan secara temu bual bertujuan meninjau persepsi remaja terhadap amalan *qudwah hasanah* ibu bapa dan akhlak remaja itu sendiri. Pengkaji memilih subjek kajian daripada sekolah-sekolah yang berdekatan dengan pengkaji sahaja memandangkan subjek kajian terdiri daripada pelbagai latar belakang demografi yang telah dipilih. Secara umumnya, tinjauan awal mendapati remaja memerlukan *qudwah hasanah* ibu bapa dalam membentuk akhlak mereka. Justeru, *qudwah hasanah* ibu bapa dari aspek hubungan ibu bapa dengan Allah, hubungan ibu bapa dengan anak dan hubungan ibu bapa dengan orang lain menjadi fokus utama dalam perbincangan *qudwah hasanah* ibu bapa ini.

---

<sup>27</sup> Bernama, 6 Februari 2017, hlm. 17

<sup>28</sup> Kementerian Pendidikan Malaysia, 2018



Jadual 1.1 Tinjauan Awal Tentang *Qudwah Hasanah* Ibu bapa dan Akhlak Remaja Sekolah Menengah di Kedah.

Remaja	Komen
Remaja 1	Mak abah ada menunjukkan contoh yang baik. Kadang-kadang ada juga yang tak perlu ikut. saya rasa la...
Remaja 2	Duduk di rumah kadang-kadang tak dak masa nak bersembang. Semua sibuk dengan hal masing-masing. Pandai-pandai la bawa diri..
Remaja 3	Mak abah pesan jangan bercampug dengan kawan yang bermasalah selalu pesan jaga perangai
Remaja 4	Kena ikut contoh yang baik. Kesian mak ayah kalau buat perangai tak elok. Mesti depa malu. kena jaga nama mak ayah

Sumber : Tinjauan pengkaji  
 Subjek kajian : Empat remaja Tingkatan Empat  
 Tempat kajian : Dua buah Sekolah Sekolah Menengah di Kedah  
 Tarikh tinjauan: April 2016

Temu bual tersebut mendapati terdapat keraguan remaja terhadap amalan *qudwah hasanah* ibu bapa. Kurangnya komunikasi dan peruntukan masa bersama anak-anak antara luahan remaja terbabit terhadap amalan *qudwah hasanah* ibu bapa. Tinjauan awal ini juga mendapati remaja berusaha menjaga nama baik ibu bapa dengan mengamalkan akhlak yang baik. Namun, ada juga yang berpendapat tingkah laku ibu bapa tidak semuanya akan dituruti.

Hasil dapatan tinjauan awal tentang keraguan dan ketidakpercayaan remaja terhadap amalan *qudwah hasanah* ibu bapa bertepatan dengan hasil kajian Ratna Roshida<sup>29</sup> yang mendapati ibu bapa tidak yakin untuk mengajar anak-anak dalam kehidupan. Mereka tidak yakin untuk memberi didikan awal di rumah berpunca

<sup>29</sup> Ratna Rashida Abd. Razak, Nik Haslinda Nik Hussain (2007), Peranan Institusi Keluarga dalam Penjanaan Bangsa Bertamadun, *Jurnal Kemanusiaan*, Bil.9, Jun 2007, USM: Pusat Pengajian Ilmu Kemanusiaan hlm. 76

daripada kurang pengetahuan agama. Keyakinan ibu bapa dalam memberi pendidikan akhlak di rumah amatlah penting kerana ibu bapa merupakan guru pertama anak-anak di rumah sebelum mereka melangkah keluar. Oleh itu, pengkaji berasakan adalah sangat perlu kajian *qudwah hasanah* ibu bapa ini dijalankan bagi memberi maklumat kepada ibu bapa betapa pentingnya amalan *qudwah hasanah* ibu bapa yang mempengaruhi akhlak remaja masa kini.

Ibu bapa perlu bertindak proaktif untuk menghadapi cabaran akhlak remaja masa kini. Oleh itu, ibu bapa perlu mempunyai kekuatan dalaman dan luaran seperti hubungan ibu bapa dengan Allah, hubungan ibu bapa dengan anak dan hubungan ibu bapa dengan orang lain agar dapat dicontohi dengan baik oleh anak-anak. Seseorang yang mempunyai amalan *qudwah hasanah* yang baik akan membentuk remaja yang berakhlak mulia walaupun dalam keadaan yang sukar. Seterusnya, pengkaji mendapati bahawa selain pengetahuan dan pengalaman tentang remaja, hubungan ibu bapa dengan anak turut memberi pengaruh kepada akhlak remaja.

Penglibatan remaja dalam pelbagai gejala sosial berpunca daripada beberapa faktor, antaranya faktor dalaman diri remaja itu sendiri dari aspek perkembangan personaliti, kegagalan fungsi institusi keluarga dan juga pengaruh rakan sebaya.<sup>30</sup> Pengaruh persekitaran di sekolah juga menjadi punca keruntuhan akhlak dalam kalangan remaja. Fenomena ini merupakan salah satu daripada ancaman kepada sumber tenaga manusia yang boleh merugikan negara dalam jangka masa panjang.<sup>31</sup> Remaja bertingkah laku negatif ini kerana sebagai salah satu cara melepaskan tekanan dalam diri mereka. Oleh itu, segala masalah sosial yang dihadapi oleh para remaja

---

<sup>30</sup> Abd. Rahim Abd. Rashid (2006), Menangani Perkembangan dan Masalah Tingkah Laku Remaja Dalam Keluarga. Universiti Malaya: Pusat Pembangunan Keluarga hlm.23.

<sup>31</sup> Zainal Madon et.al (2004), Panduan Mengurus Remaja Moden, Bentong : PTS Professional Publishing Sdn. Bhd. hlm. 32.

harus dibendung dan diatasi supaya ia tidak terus mewujudkan ancaman besar terhadap pembangunan dan kemajuan negara.

Hal ini membawa maksud, ketinggian peribadi yang dimiliki oleh sesebuah masyarakat akan terbentuk melalui kemuliaan akhlak. Namun, realiti yang berlaku pada masa kini adalah sebaliknya. Semakin maju ketamadunan semakin pincang akhlak dalam kalangan remaja hari ini. Justeru itu, usaha menangani krisis keruntuhan akhlak generasi pada masakini perlu diambil perhatian dan tindakan segera. Hal ini akan berjaya dilaksanakan melalui kesatuan usaha dan kepaduan tenaga yang berasaskan *manhaj* akhlak Ilahi dan peraturan Rabbani.<sup>32</sup>

Kesimpulannya, berdasarkan perbincangan di atas jelas menunjukkan masih terdapat kelompangan didikan ibu bapa dalam membentuk akhlak remaja. Oleh sebab itu, kajian yang dilaksanakan ini untuk mengkaji pengaruh *qudwah hasanah* ibu bapa terhadap *akhlak* remaja sekolah menengah di Kedah adalah amat signifikan untuk dijalankan. Kajian ini dijalankan secara khususnya bagi menganalisis sama ada hubungan ibu bapa dengan Allah, hubungan ibu bapa dengan anak dan hubungan ibu bapa dengan masyarakat menjadi faktor peramal kepada pembentukan akhlak remaja sekolah menengah di Kedah.

Pembentukan akhlak remaja sekolah menengah melalui amalan *qudwah hasanah* ibu bapa amatlah penting untuk diberi perhatian terutamanya dalam pendidikan akhlak anak-anak. Justeru itu, amalan *qudwah hasanah* sama ada dalam bentuk perbuatan atau perkataan perlulah dijadikan amalan dalam kehidupan seharian

---

<sup>32</sup> Mohd Sulaiman Yasin. (1988). *Pengantar 'Aqidah*. Dewan Bahasa dan Pustaka.hlm.18.

ibu bapa agar menjadi satu bentuk pendidikan yang berkesan dalam membentuk akhlak remaja sekolah menengah di Kedah.

#### **1.4 Objektif Kajian**

Seperti yang dinyatakan dalam pernyataan masalah, pengkaji berminat mengkaji amalan *qudwah hasanah* ibu bapa dan akhlak remaja sekolah menengah di Kedah berdasarkan justifikasi tertentu. Oleh itu, kajian yang dijalankan adalah berdasarkan objektif kajian berikut iaitu:

- 1) Meneliti konsep *qudwah hasanah* ibu bapa menurut perspektif Islam.
- 2) Mengkaji tahap dan bentuk akhlak remaja sekolah menengah di Kedah.
- 3) Mengkaji tahap dan bentuk amalan *qudwah hasanah* ibu bapa menurut persepsi remaja sekolah menengah di Kedah.
- 4) Menganalisis pengaruh amalan *qudwah hasanah* ibu bapa terhadap akhlak remaja sekolah menengah di Kedah.

#### **1.5 Persoalan Kajian**

Berdasarkan kepada pernyataan masalah dan objektif kajian yang telah dibincangkan sebelum ini, maka persoalan kajian yang cuba dijawab dalam kajian ini ialah:-

- 1) Apakah konsep *qudwah hasanah* ibu bapa menurut perspektif Islam?
- 2) Apakah tahap dan bentuk akhlak remaja sekolah menengah di Kedah?
- 3) Apakah tahap dan bentuk amalan *qudwah hasanah* ibu bapa menurut persepsi remaja sekolah menengah di Kedah ?

- 4) Adakah terdapat pengaruh amalan *qudwah hasanah* ibu bapa terhadap akhlak remaja sekolah menengah di Kedah?

## **1.6 Kepentingan Kajian**

Kajian ini relevan dalam bidang pengajian Islam dan pendidikan akhlak terutamanya bagi ibu bapa dan remaja sekolah menengah. Berdasarkan tujuan dan objektif, kajian yang dilaksanakan ini mempunyai signifikan dari aspek amalan *qudwah hasanah* ibu bapa dan akhlak remaja. Oleh itu, kajian ini dapat mengembangkan ilmu pengetahuan kepada ibu bapa khususnya dalam bidang pendidikan keibubapaan.

Dapatan kajian ini menyumbang kepada pemahaman dan garis panduan terhadap kesediaan ibu bapa untuk menjalankan tanggungjawab dan amanah kepada anak-anak terutamanya daripada dimensi hubungan dengan Allah, hubungan dengan anak dan hubungan dengan orang lain. Kajian ini juga membantu ibu bapa memahami kehendak anak-anak dalam menjadi contoh teladan dan mempengaruhi akhlak remaja.

Selain daripada itu, manfaat daripada kajian ini tidak eksklusif kepada ibu bapa sahaja, malah kepada bidang pendidikan di negara ini juga supaya boleh mendapat pemahaman yang lebih khusus tentang isu-isu keibubapaan dan akhlak remaja sekolah menengah.

Dalam pada itu, usaha pengkaji mencari jawapan kepada persoalan-persoalan kajian, penerapan sesuatu teori yang relevan dengan permasalahan dan tujuan kajian adalah penyumbang kepada penemuan dapatan kajian yang kukuh dan bermakna. Penggunaan Model Atribut Kemahiran Keibubapaan Al-Ghazali dan Model Akhlak

Islam yang dijadikan kerangka teori bagi kajian ini diharapkan dapat menyumbang pengetahuan yang baharu kepada bidang keibubapaan dan akhlak di Malaysia.

Di samping itu, hasil kajian ini dapat memberikan panduan dan dapat meningkatkan keyakinan ibu bapa untuk memberi contoh teladan yang baik kepada anak-anak. Kajian ini amat penting untuk memberikan maklumbalas kepada Kementerian Pendidikan Malaysia dalam melahirkan modal insan yang berkualiti dan berakhlak mulia sebagai aset peneraju negara pada masa akan datang. Berpandukan kajian yang dijalankan, adalah sangat diharapkan kajian ini dapat memberi satu input yang berguna dalam mengenalpasti peranan ibu bapa dalam pembentukan akhlak remaja.

Kepentingan kajian ini kepada ibu bapa pula ialah supaya mereka lebih peka dengan masalah sosial yang melanda remaja masa kini. Kajian ini juga dapat memberikan kesedaran dalam kalangan ibu bapa agar tidak bersikap sambil lewa dalam proses mendidik anak-anak, apatah lagi dengan situasi masyarakat sekarang yang lebih mementingkan kerjaya daripada kebajikan anak-anak.

Bagi pihak remaja itu sendiri pula, mereka dapat mengetahui punca serta faktor keruntuhan akhlak di kalangan mereka sama ada berpunca daripada diri sendiri, keluarga atau faktor-faktor lain. Secara tidak langsung ia dapat menyedarkan diri mereka betapa seriusnya masalah keruntuhan akhlak kerana ia boleh membawa kepada runtuhnya sesebuah tamadun manusia. Di samping itu, ia dapat mengingatkan remaja supaya mengisi masa-masa terluang dengan aktiviti-aktiviti yang berfaedah dan memberi ilmu pengetahuan untuk kepentingan diri, keluarga dan masyarakat serta negara.

Kajian ini juga diharapkan dapat memberi saranan kepada pihak yang bertanggungjawab supaya dapat memainkan peranan masing-masing dalam menangani masalah sosial yang berleluasa dalam masyarakat. Ini kerana, kajian ini dapat membantu pihak-pihak yang berkenaan untuk merangka dan merancang strategi penyelesaian secara lebih efektif. Selain itu, pihak-pihak yang telah diberi kuasa juga dapat memainkan peranan mereka agar permasalahan ini dapat diselesaikan.

Hasil kajian ini juga akan menjadi pedoman dalam kalangan umat Islam bagi menghayati peranan ibu bapa dalam pembentukan akhlak remaja. *Qudwah hasanah* yang diamalkan oleh Nabi Muhammad S.A.W menjadi *role model* dan contoh ikutan yang terbaik bagi umat manusia dalam bermuamalah dengan anak-anak.

Kajian ini mampu mendatangkan manfaat kepada golongan ibu bapa yang berada dalam pelbagai posisi dalam masyarakat Islam bagi mengamalkan garis panduan *qudwah hasanah*. Hasil kajian ini juga akan mendedahkan pengiktirafan Islam terhadap kedudukan serta peranan ibu bapa.

Selain itu, hasil kajian ini juga mendedahkan bentuk *qudwah hasanah* ibu bapa mengikut sasaran dan situasi yang betul. Pendedahan ini amat penting agar *qudwah hasanah* ibu bapa ini dapat diaplikasikan dalam realiti masyarakat kini secara berkesan.

## **1.7 Kerangka Konsep**

Kajian ini, bertujuan mengenal pasti tahap dan bentuk amalan *qudwah hasanah* ibu bapa. Tinjauan bagi mengenal pasti tahap dan bentuk amalan *qudwah hasanah* ibu bapa diukur menggunakan instrumen Attribut Kemahiran Keibubapaan

Al-Ghazali<sup>33</sup> manakala aspek akhlak remaja sekolah menengah pula diukur menggunakan item soal selidik akhlak pelajar sekolah menengah adaptasi daripada Sarimah Mokhtar et. al<sup>34</sup> melalui soal selidik Amalan Penghayatan Akhlak Islam (IMAP) dengan menggunakan Model Akhlak Islam dalam kerangka konsep kajian ini.

Kajian ini juga berlandaskan *Model* Attribut Kemahiran Keibubapaan Al-Ghazali untuk mengenal pasti sama ada *qudwah hasanah* ibu bapa daripada aspek hubungan ibu bapa dengan Allah, hubungan ibu bapa dengan anak dan hubungan ibu bapa dengan orang lain mempengaruhi akhlak remaja sekolah menengah.


Variabel tidak bersandar (IV) dalam kajian ini ialah amalan *qudwah hasanah* ibu bapa manakala variabel bersandar (DV) ialah akhlak remaja. Seterusnya kajian ini mengenal pasti sama ada *qudwah hasanah* ibu bapa dari aspek hubungan ibu bapa dengan Allah, hubungan ibu bapa dengan anak dan hubungan ibu bapa dengan orang lain merupakan faktor peramal yang signifikan kepada akhlak remaja sekolah menengah. Ringkasan kerangka konsep adalah seperti Rajah 1.1:

---

<sup>33</sup> Jamiah Manap (2016), Attribut Kemahiran Keibubapaan Al-Ghazali. *Jurnal Hadhari* 8 (1) hlm.113-131.

<sup>34</sup> Sarimah Mokhtar et.al (2011), Amalan Penghayatan Akhlak Islam' (IMAP), *Global Journal Al Thaqqafah* Disember, 2011 Vol 1 ISSUE 1 hlm 109-122.





Rajah 1.1 Kerangka Konsep Kajian Pengaruh *Qudwah Hasanah* Ibu Bapa Terhadap Akhlak Remaja Sekolah Menengah di Kedah

## 1.8 Definisi Operasional

Dalam kajian ini, terdapat beberapa definisi yang perlu diambil perhatian. Untuk mencapai objektif yang ditetapkan, pengkaji telah menggunakan definisi istilah, konsep dan operasi seperti berikut;

### 1.8.1 *Qudwah Hasanah* Ibu bapa

Dalam mengkaji konsep *qudwah hasanah* ibu bapa, perlu difahami bahawa konsep ini turut disebut sebagai *uswah hasanah* yang membawa maksud teladan yang baik, suri teladan yang baik, contoh ikutan yang baik atau *role model*.<sup>35</sup> Takrif ibu bapa menurut Noor Laily, ibu ialah wanita yang mengandung dan melahirkan anak, dan bapa pula ialah lelaki yang membolehkan si anak dikandung oleh ibu sehingga dia dilahirkan. Di samping itu, ibu bapa bertanggungjawab membesarkan anak sehingga dewasa dan membentuknya menjadi khalifah di bumi Allah<sup>36</sup>.

<sup>35</sup> konsep *qudwah hasanah* yang dimaksudkan sebagai contoh teladan yang baik akan dibincangkan dengan lebih teliti dalam bab 2 penulisan ini.

<sup>36</sup> Noor Laily Abu Bakar, (2007), *Kemahiran Keibubapaan Masa Kini*, Kuala Lumpur: Utusan Publications & Distributors. hlm.83.

Menurut Islam, kesahatarafan seorang anak bergantung konsep *alwaladli'l-firash* iaitu anak berasal dari tempat tidur perkahwinan. Dalam hal ini, pasangan mestilah telah sah berkahwin dan anak yang lahir dari perkahwinan tersebut adalah anak kepada pasangan tersebut dan merekalah ibu bapa yang sah<sup>37</sup>. Dalam perbincangan ini, ibu bapa merupakan contoh ikutan dan teladan yang baik dalam mempengaruhi akhlak remaja sekolah menengah di negeri Kedah

### 1.8.2 Akhlak

'Abdullah Nasih 'Ulwan mentakrifkan *akhlak*<sup>38</sup> sebagai prinsip budi luhur yang mesti dilengkapkan ke dalam jiwa anak-anak dan mesti dipelajari serta dibiasakan sejak dari usia *tamyiz* hinggalah ia menjadi seorang *mukalaf* dan seterusnya hingga meningkat dewasa di mana ia mula mengharungi hidup. Qurtubi dalam tafsirnya menyatakan *khuluq* menurut bahasa adalah sesuatu yang menjadi kebiasaan seseorang berupa adab. Ia adalah tabiat yang dapat dibentuk.<sup>39</sup>

Istilah akhlak berasal daripada bahasa Arab yang diambil daripada perkataan 'khuluq' yang boleh didefinisikan sebagai perangai atau tingkah laku, tabiat, kepercayaan, pegangan atau agama. Berdasarkan pengertian ini, akhlak merupakan perangai, tabiat, maruah atau agama yang mempamerkan gambaran atau rupa batin seseorang.<sup>40</sup>

---

<sup>37</sup> (Azrina Sobian, Keluarga Islam Kemahiran Keibubapaan dan Cabaran Semasa, Selangor, 2007, hlm 247.

<sup>38</sup> Dibincangkan dengan lebih terperinci dalam Bab 2 kajian ini.

<sup>39</sup> 'Abdullah Nasih 'Ulwan (1981), Tarbiyyatul Aulad fil Islam, Beirut: Dar al-Salam, hlm. 88

<sup>40</sup> Asmawati Suhid. 2009. Pendidikan Akhlak dan Adab Islam. Kuala Lumpur: Utusan Publications & Distributors Sdn Bhd).hlm.34.